



SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2021
PENDIDIKAN ISLAM

1223/1

Kertas 1

2 jam 30 minit


JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi lima soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan.*
4. ***Buku jawapan** hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.*

Kertas peperiksaan ini mengandungi 5 halaman bercetak dan 3 halaman tidak bercetak.
(Nota penerbit: Bilangan halaman dalam buku ini telah diubah suai)

Jawab semua soalan.

1 (a) Firman Allah SWT :



Ayat di atas menerangkan ciri orang-orang beriman yang berjaya di dunia dan di akhirat.

Berdasarkan ayat di atas,

(i) Nyatakan **dua** ciri mukmin yang berjaya yang terdapat di dalam ayat 1 hingga 4.

[2 markah]

(ii) Jelaskan **dua** sebab Islam menyuruh umatnya menjaga kehormatan diri.

[4 markah]

(iii) Terangkan **dua** pengajaran daripada ayat di atas.

[4 markah]

(b) Sabda Rasulullah SAW :

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رضي الله عنه عَنِ النَّبِيِّ صلى الله عليه وسلم قَالَ : اجْتَنِبُوا السَّبْعَ الْمُؤَبَقَاتِ قَالُوا : يَا رَسُولَ اللَّهِ، وَمَا هُنَّ؟ قَالَ : الشِّرْكَ بِاللَّهِ، وَالسِّحْرُ، وَقَتْلُ النَّفْسِ الَّتِي حَرَّمَ اللَّهُ إِلَّا بِالْحَقِّ، وَأَكْلُ الرِّبَا، وَأَكْلُ مَالِ الْيَتِيمِ، وَالتَّوَلَّى يَوْمَ الزَّحْفِ، وَقَذْفُ الْمُحْصَنَاتِ الْمُؤْمِنَاتِ الْغَافِلَاتِ.

(متفق عليه)

Hadis di atas menjelaskan tujuh dosa besar yang mesti di jauhi oleh umat Islam seperti sihir.

Berdasarkan hadis di atas,

(i) Nyatakan **dua** dosa besar lain yang terdapat dalam hadis tersebut.

[2 markah]

(ii) Nyatakan **dua** nama surah khusus daripada al-Quran yang boleh dijadikan amalan untuk menghindari diri daripada sihir.

[2 markah]

(iii) Terangkan **dua** pengajaran daripada hadis di atas.

[4 markah]

(c) Terangkan mana-mana **satu** hukum tajwid berkaitan hukum bacaan “ر”.

[2 markah]

- 2 (a) (i) Al-Jabbar merupakan satu daripada al-Asma al-Husna Allah SWT. Apakah maksud al-Jabbar?

[2 markah]

- (ii) Jelaskan **dua** bukti kefahaman anda mengenai al-Jabbar.

[4 markah]



- (iii) Berdasarkan gambar di atas, kemukakan hujah anda dengan mengaitkannya dengan nama Allah SWT al-Jabbar.

[4 markah]

- (b) (i) Nyatakan pengertian Ahli Sunah Wal Jamaah.

[2 markah]

- (ii) Senaraikan **dua** aliran yang bertentangan dengan akidah Ahli Sunah Wal Jamaah.

[2 markah]

- (iii) Jelaskan **dua** prinsip akidah Ahli Sunah Wal Jamaah.

[2 markah]

- (iv) Terangkan **dua** kepentingan berpegang dengan akidah Ahli Sunah Wal Jamaah.

[4 markah]

- 3 (a) (i) Nyatakan maksud muamalat Islam? [2 markah]
- (ii) Senaraikan **empat** jenis akad dalam muamalat Islam. [4 markah]
- (iii)Jelaskan **dua** perbezaan antara muamalat Islam dengan konvensional. [4 markah]
- (b) (i) Apakah maksud hudud? [2 markah]
- (ii) Senaraikan **dua** jenis kesalahan di bawah jenayah hudud berserta hukumannya. [4 markah]

Objektif hukuman jenayah dalam Islam ialah mendidik manusia supaya tidak melakukan jenayah yang memudaratkan diri dan orang lain.

- (iii)Berdasarkan pernyataan di atas, huraikan langkah menghindari jenayah yang berlaku dalam masyarakat [4 markah]
- 4 (a) (i) Senaraikan **dua** khalifah yang terkenal dalam kerajaan Abbasiyah. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** faktor kegemilangan kerajaan Abbasiyah dari aspek ekonomi. [4 markah]

Sejarah hendaklah dijadikan iktibar untuk membangunkan diri dan negara, bukan untuk berbangga dengan pencapaian generasi silam tanpa melakukan sesuatu untuk generasi akan datang.

- (iii)Huraikan hujah anda untuk menyokong pernyataan di atas. [4 markah]
- (b) (i) Nyatakan secara ringkas riwayat hidup Hassan al-Banna. [3 markah]
- (ii) Senaraikan **tiga** sumbangan beliau dalam sejarah Islam. [3 markah]
- (iii)Jelaskan **dua** iktibar daripada kegigihan Hassan al-Banna dalam menyebarkan dakwah Islam. [4 markah]

5 (a) (i) *Khauf* dan *raja'* adalah dua sifat yang menjadikan seseorang sebagai muslim sejati.

Nyatakan maksud *raja'*.

[2 markah]

(ii) Jelaskan **dua** cara untuk mendapatkan sifat *khauf*.

[2 markah]

(iii) Terangkan konsep *khauf* dan *raja'* yang seimbang.

[2 markah]

“ TAKUT KEPADA MAKHLUK AKAN
MENJAUHKAN KITA PADANYA

TETAPI TAKUT KEPADA **KHALIQ** AKAN
MEMBUATKAN KITA DEKAT PADANYA”

Ibn Qayyim al-Jauziyya

(iv) Berdasarkan konsep *khauf*, huraikan pandangan anda dengan mengaitkan pernyataan di atas.

[4 markah]

(b) (i) Nyatakan maksud **satu** daripada sifat mazmumah yang berikut yang perlu dihindari.

- (1) Hasad
- (2) Ujub

[2 markah]

(ii) Jelaskan **dua** cara meninggalkan sifat mazmumah.

[2 markah]

(iii) Jelaskan **dua** hikmah meninggalkan sifat mazmumah terhadap individu.

[2 markah]

Maksud hadis:

Sesungguhnya yang amat aku takuti menimpa kamu ialah syirik kecil. Para sahabat bertanya: “Apakah syirik kecil ya Rasulullah?” Baginda menjawab: iaitu riak.

(Riwayat Ahmad, Baihaqi dan al-Tobrani)

(iv) Berdasarkan maksud hadis di atas, kemukakan pandangan anda sekiranya perbuatan tersebut dibiarkan berleluasa dalam masyarakat.

[4 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT